

BUKAN MITOS!

■ Penemuan terbaru penyelidik UPM bukti Hang Tuah wujud

Oleh Rizanizam Abdul Hamid
mrizanizam@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Penemuan dua penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai bukti terkini kewujudan Laksamana Hang Tuah diharapkan dapat menafikan pandangan sesetengah pakar sejarah yang mengatakan konomya kisah pahlawan legenda Melayu itu mitos. Pengerusi Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) Prof (Adj) Datuk Dr Mohd Jamil Mukmin berkata, selama ini kewujudan Hang Tuah bersandarkan kepada beberapa nukilan tempatan, antaranya Hikayat Hang Tuah dan Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu).

“Walaupun penemuan fakta terbaru itu belum dapat disahkan kerana penyelidik terbabit perlu bertemu pakar sejarah serta meneliti manuskrip lama di Sepanyol dan Portugal, sekurang-kurangnya kita ada penemuan terkini mengatakan Hang Tuah wujud sekali gus menolak pandangan mereka yang mengatakan kisahnya mitos. “Memang kita tidak boleh nafikan ada ahli sejarah Malaysia yang berpandangan Hang Tuah hanya mitos, mungkin disebabkan terlalu banyak tokoh tambah seperti merpuyai kesaktian dan hidup sehingga ke hari ini,” katanya.

Beliau mengulas laporan muka depan Harian Metro semalam mengenai fakta yang tercatat di dalam buku Notes of Leonardo da Vinci mengenai pertemuan antara pelukis potret Mona Lisa, Leonardo da Vinci dan Hang Tuah di Ero-

pah antara 1503 hingga 1506 sekali gus membuktikan pahlawan legenda Melayu itu benar wujud.

Dalam catatan itu, da Vinci menulis ‘saya melukis kenederan selepas berjumpa dengan orang kaya Melaka dan perkataan selepas itu tidak jelas sama ada disebut lak-samana atau Hang Tuah. Penemuan terbaru itu didedahkan Penserarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Dr Rohaidah Empayar Melaka.

LAPORAN Harian Metro, sendam.

